

21/07/2001

Ceramah: Pas tidak hormati undang-undang

PENKALAN KUBOR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan Pas meneruskan siri ceramah politik terutama di Kelantan dan Terengganu menunjukkan parti itu tidak menghormati undang-undang.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini akan menghadapi keadaan anarki iaitu tidak berkerajaan jika kemuliaan undang-undang tidak lagi dipatuhi.

"Kalau orang lain tidak menghormati undang-undang dan menekan mereka (Pas) mungkin mereka juga kecewa, jadi kita semua patut menghormati undang-undang.

"Jika kita tak menghormati undang-undang sedangkan kita adalah kerajaan, orang lain juga tak akan menghormati undang-undang dan kalau tiada siapa yang hormati undang-undang, kita akan menghadapi keadaan anarki... keadaan tidak berkerajaan.

"Hakikatnya, rakyat akan hadapi masalah besar kalau kita tak hormati undang-undang," katanya pada sidang akhbar di kediaman seorang ahli perniagaan, Zainul Hashim, di sini, petang ini.

Kelmarin, Pas dan DAP dilaporkan membantah tindakan polis memperketatkan syarat pengeluaran permit ceramah politik di seluruh negara bagi mengekang kegiatan yang boleh memudaratkan keselamatan.

Sehari sebelumnya, sumber polis Bukit Aman dipetik sebagai berkata, pihak berkuasa membekukan permit untuk semua ceramah politik mulai awal bulan ini sebagai langkah menyekat kegiatan yang boleh menggugat keselamatan.

Larangan itu meliputi semua parti politik termasuk Barisan Nasional, tetapi tidak membabitkan kempen bagi pilihan raya kecil Likas di Sabah.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, Kerajaan Pusat masih berminat untuk menyalurkan bantuan ke Kelantan tetapi sikap pihak tertentu melemparkan pelbagai cacian menyukarkan perkara itu.

"Kita memang nak bantu tapi kalau dok maki kita teruk sangat, macam mana nak bantu?

"Panggil kita dajal, anjing... lepas tu minta kita tolong. Macam mana nak tolong sebab dajal mana nak boleh tolong manusia, kalau kita jadi dajal kita tak boleh tolonglah manusia," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau dibawa melawat sekitar Pengkalan Kubor dan mendapati kawasan itu tiada pembangunan, melainkan bangunan Kerajaan Pusat seperti pejabat pos.

Malah, katanya, ada rumah penduduk yang dibina 50 tahun lalu dan ia menunjukkan rakyat negeri ini masih ketinggalan walaupun ramai anak Kelantan berpeluang memasuki pusat pengajian tinggi.

Mereka, katanya, tidak mahu pulang bekerja di Kelantan kerana mendapati suasana di negeri lain lebih selesa.

"Saya amat sedih kerana Kelantan yang mempunyai ramai rakyat berkaliber sepatutnya lebih maju lebih dari negeri lain tapi oleh kerana kerajaannya tak cekap dari segi pembangunan, nampaknya rakyat menderita," katanya.

Terdahulu ketika berucap pada majlis bersama pemimpin masyarakat dan penduduk, Dr Mahathir berkata, rakyat Kelantan berkuasa untuk menyingkirkan golongan yang hanya pandai memaki-hamun dan menabur fitnah selama ini.

"Kenapa kita nak aniaya orang Kelantan, orang sebangsa dan seagama... kalau tak boleh (memerintah), cakap tak boleh.

"Saya sedih melihat Kelantan ketinggalan dan masa depan orang Kelantan

berada di tangan rakyatnya... pilihlah orang yang boleh mentadbir dengan baik dan bukan setakat maki hamun orang lain.

"Jika rakyat negeri ini ingin melihat Kelantan membangun dengan pesat, kita perlu lakukan sesuatu terutama memilih kerajaan yang cekap dan mampu membangunkannya,

"Kalau pilih orang yang mengecam dan memburuk-burukkan Kerajaan Pusat, kita rasa agak sukar untuk menghulurkan bantuan," katanya.

(END)